

21/03/1999

Tohmahan jadi kes keselamatan

KUANTAN: Penyebaran tohmahan dan fitnah, termasuk menggunakan pita rakaman terhadap Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan pemimpin Umno lain bukan lagi menjadi isu politik tetapi keselamatan negara.

Ini kerana perbuatan demikian bertujuan membangkitkan rasa benci yang keterlaluan terhadap kepemimpinan negara.

Naib Presiden Umno, Datuk Seri Najib Tun Razak, berkata pihak berkuasa perlu menjalankan siasatan untuk mengelakkan fahaman seumpama itu menjadi amalan masyarakat negara ini.

Bagaimanapun, beliau yakin rakyat menolak fahaman keterlaluan itu serta tidak menerima pelbagai fitnah terhadap Dr Mahathir.

Sambil menegaskan Umno memandang serius hal terbabit, Najib berkata, rakyat akan memberi sokongan kepada Perdana Menteri dalam menangani penyebaran fitnah itu.

"Apa yang penting orang ramai mesti menunjukkan sokongan terhadap kerajaan terutama dalam pilihan raya umum akan datang," katanya selepas menyaksikan majlis penyerahan Sijil ISO 9002 kepada Institut Kemajuan Iktisas Pahang (Ikip), di sini, semalam.

Pada majlis itu, Naib Presiden, Bahagian Standard dan Kualiti Sirim Bhd, Dr Mohd Yusoff Zakaria menyampaikan sijil itu kepada Pengarah Eksekutif Ikip, Datuk Sharif Shamsuddin.

Turut hadir Menteri Besar, Tan Sri Mohd Khalil Yaakob, Timbalannya, Datuk Hasan Arifin dan Pengerusi Ikip, Datuk Dr Abu Tahir Lela.

Ikip adalah institusi pengajian tinggi swasta (IPTS) yang dimiliki Kerajaan Pahang.

Najib yang juga Menteri Pendidikan, berkata Umno pernah menghadapi masalah yang sama tetapi ia menjadi reda selepas rakyat memberi mandat yang kuat kepada kerajaan Barisan Nasional dalam pilihan raya.

(END)